

35

13136

E-DOCUMENT



1500013136



**KENYATAAN / SIARAN AKHBAR**  
Untuk maklumat lanjut sila hubungi:  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**Perbadanan Putrajaya**  
**Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008**

## PPj TUBUH PERSATUAN PENDIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA KOMUNITI PUTRAJAYA

**PUTRAJAYA, 8 JULAI 2019 –** YBhg. Datuk Dr. Aminuddin Bin Hassim, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj) mengumumkan penubuhan Persatuan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Komuniti Putrajaya di Majlis Pelancaran Persatuan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Komuniti Putrajaya bertempat di Armada Hall, Marina Putrajaya.

Turut hadir YBhg. Dato' Omairi Bin Hashim, Naib Presiden Kanan PPj, YBhg. Datuk Azizi Ahmad Termizi, Naib Presiden Perkhidmatan Bandar PPj dan Tuan Haji Bashir bin Kassim Pengurus, Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Diwujudkan secara rasminya pada 18 Jun 2019 yang lalu, persatuan ini dianggotai oleh 15 orang terdiri daripada Majlis Perwakilan Penduduk Wilayah Persekutuan Putrajaya (MPPWP) dan wakil-wakil penduduk di Putrajaya.

Antara objektif penubuhan persatuan adalah untuk bekerjasama dengan PPj dalam melaksanakan program-program pendidikan, kesedaran berkaitan keselamatan jalan raya bersama dengan komuniti setempat terutama di peringkat sekolah. Selain itu, persatuan ini juga akan menjadi penghubung antara komuniti dengan PPj dan agensi keselamatan lain dalam menghebahkan mesej-mesej keselamatan jalan raya.

Penubuhan persatuan ini merupakan inisiatif PPj untuk memberdayakan komuniti Putrajaya (*Community Empowerment*) bersama agensi-agensi berkaitan dalam aspek pengetahuan, tindakan, penguatkuasaan serta melahirkan warga Putrajaya yang mempunyai perundangan kendiri (*Self-Regulated*) dalam isu keselamatan jalan raya bagi mencapai visi untuk menurunkan kadar kemalangan dan sifar kemalangan maut melibatkan warga Putrajaya di jalan raya di Putrajaya.

Pada tahun 2015 hingga 2018, sebanyak 6,543 kes dengan jumlah kematian sebanyak 36 kes telah direkodkan di Putrajaya. Bagi tahun 2019, statistik sehingga bulan Jun 2019 mencatatkan sebanyak 880 kes kemalangan dengan jumlah kematian sebanyak 1 kes.

Untuk pertanyaan lanjut berhubung Majlis Pelancaran Penubuhan Persatuan Pendidikan Keselamatan Jalan Raya Komuniti Putrajaya, sila hubungi, En. Mohd Fairus Bin Mohd Padzil di talian 03-8887347/019-3354346 atau Puan Haniza Ayu Zakaria di talian 03-88877508/019-2112466.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat**  
b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya  
Tarikh: 17 Julai 2019